



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB PUAN HANNAH YEOH**

**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**LAWATAN KERJA KE IBU PEJABAT KONTINJEN NEGERI MELAKA  
UNTUK MAJLIS PERASMIAN TASKA DI TEMPAT KERJA SEKTOR  
AWAM**

**18 OKTOBER 2019 (JUMAAT)**

**10.00 PAGI**

## **(SALUTASI) - tbc**

Salam Sejahtera dan selamat pagi semua.

## **PENDAHULUAN**

1. Terima kasih kepada semua yang hadir ke Program Perasmian TASKA di Tempat Kerja Sektor Awam Negeri Melaka.
2. Saya juga ingin merakam penghargaan kepada pihak pengurusan Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Negeri Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka dan kepada semua yang terlibat menjayakan majlis perasmian pada pagi ini.

## **BELANJAWAN 2020**

3. Sepertimana dalam pengumuman Belanjawan 2019 peruntukan RM10 juta disediakan untuk menambah 50 buah TASKA baharu di bangunan Kerajaan. Namun,

dengan kekangan peruntukan, kita dapat menguruskannya secara berhemah dan berjaya menubuhkan 66 buah TASKA di Tempat Kerja sektor awam iaitu melebihi sasaran sebenar.

4. Menerusi Belanjawan 2020 yang dibentangkan minggu lepas, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) diperuntukan sebanyak RM30 juta untuk penambahan lebih banyak TASKA di Tempat Kerja sektor awam terutamanya di hospital dan kuarters guru. Kita menjangkakan lebih 150 buah TASKA baharu akan ditubuhkan menjelang akhir tahun 2020.

### **GERAN TASKA DI TEMPAT KERJA DI MELAKA**

5. Tahniah kepada 6 agensi dan jabatan di Negeri Melaka yang telah menerima peruntukkan geran sebanyak RM 924,400.00 untuk penubuhan TASKA di Tempat Kerja. Saya juga baru selesai melawat TASKA di Tempat Kerja JPJ Negeri Melaka yang telah membelanjakan sebanyak

RM180,000 untuk penubuhan dan pembelian peralatan TASKA.

6. Saya yakin pemberian geran yang di berikan kepada agensi-agensi berkenaan dapat menampung perbelanjaan peralatan, ubahsuai dan latihan bagi menjadikan TASKA di tempat tuan-tuan dan puan-puan dapat beroperasi dengan baik dan menjamin keselesaan kanak-kanak.

Para hadirin sekalian,

### **KURSUS ASAS ASUHAN PERMATA (KAP)**

7. Antara objektif penubuhan TASKA di Tempat Kerja ini adalah bagi mengurangkan kerisauan ibu bapa yang bekerja di sektor awam dan membolehkan mereka menumpukan perhatian dalam berkerja. Namun, masih kurangnya kesedaran ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke TASKA yang berdaftar. Ini disebabkan beberapa faktor termasuklah kepercayaan ibu bapa ke

atas kemampuan serta kemahiran yang dimiliki oleh pengasuh dan pengusaha TASKA dalam menjamin keselamatan anak-anak mereka. Bagi setiap TASKA yang berdaftar dengan JKM, semua pengasuh dan pengusaha perlulah mempunyai sijil Kursus Asas Asuhan Permata (KAP).

8. Walau bagaimanapun, setakat 13 Ogos tahun ini, JKM telah merekodkan terdapat sejumlah 12,523 orang pengasuh di TASKA seluruh negara dan **7,899 orang atau 63% daripadanya masih tidak mempunyai sijil KAP**. Jumlah pengasuh di TASKA yang mempunyai sijil KAP hanyalah berjumlah 4,624 orang atau 37% sahaja.
9. Sehubungan itu, diharapkan agensi kerajaan yang belum dan yang akan menubuhkan TASKA di Tempat Kerja memastikan pengasuh dan pengusaha mempunyai sijil KAP yang akan memberikan keyakinan kepada ibu bapa terhadap perkhidmatan TASKA.

Para hadirin sekalian yang dihormati sekalian,

### **DISKAUN 20% TNB KEPADA TASKA BERDAFTAR**

10. Bagi tujuan meringankan beban pengusaha dan dalam masa yang sama dapat menggalakan pendaftaran TASKA dengan JKM, pada 26 September yang lalu, KPWKM dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah memperkenalkan inisiatif terbaharu iaitu pemberian **diskaun 20 peratus (%) bagi bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB)** kepada TASKA yang berdaftar dengan JKM.
  
11. Pemberian 20% diskaun ini bermula pada 1 November 2019 sehingga 31 Disember 2020 bagi TASKA yang telah sedia berdaftar dengan JKM manakala bagi TASKA yang akan berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun adalah mulai 1 November 2019 atau pada tarikh TASKA tersebut

berdaftar (mana yang terkemudian) sehingga 31 Disember 2020.

12. Saya berharap lebih banyak TASKA dapat di tubuhkan di Negeri Melaka ini. Ini kerana masih banyak lagi jabatan dan agensi yang mempunyai ramai kakitangan dan bekerja secara shif seperti hospital dan agensi keselamatan. Kita perlu memanfaatkan peruntukkan yang diberikan bagi melengkapkan kemudahan di TASKA dan dalam masa yang sama memastikan kualiti pengasuhan dan penjagaan kanak-kanak di negara ini terjamin.

## **PENUTUP**

13. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada YB Datuk Ginie Lim Siew Lin Exco Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka dengan kerjasama IPK Melaka serta semua agensi yang terlibat menjayakan majlis pada hari ini.

14. Akhir kata, semoga pertemuan dan lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Melaka kerana matlamat dan objektif kita adalah sama iaitu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak yang merupakan aset masa depan negara.
  
15. Dengan ini saya merasmikan pembukaan **TASKA di Tempat Kerja Ibu Pejabat Kontinjen Negeri Melaka.**

Sekian, terima kasih.